

14 tahun tunggu rumah siap

Pembeli kesal isu projek Kampung Koskan masih gagal diselesaikan

SUNGAI CHOH - "Mana perginya kerajaan prihatin dan kerajaan yang mendahulukan rakyat kalau sudah lebih 14 tahun suara rakyat tidak dipedulikan?"

Demikian luahan suara wakil pembeli Projek Pembesaran Kampung Koskan (PPKK), Jayaseelan Anthony, 49, yang kecewa dan sudah bosan dengan retorik kerajaan negeri mahupun kerajaan persekutuan yang didakwa langsung tidak serius dalam membawa penyelesaian isu pembinaan rumah yang majoritinya melibatkan bekas kakitangan kerajaan itu.

Menurutnya, pertemuan demi pertemuan dibuat, begitu juga perbincangan dan usul dikemukakan serta cadangan penyelesaian yang kononnya mahu dilaksanakan, malang-


nya sehingga hari ini masih tidak nampak kesungguhan sebenar kedua-dua pihak pentadbir mahu menyelesaikan projek tersebut.

Akibatnya, kesemua 42 pembeli PPKK itu terus tertindas malah hasil titik peluh mereka dikaut selama lebih 14 tahun tanpa diberi balasan setimpal.

"Sekarang, orang yang kita nak pertanggungjawabkan pun tak ada siapa. Jadi kita tak tahu nak buat apa," katanya.

Jayaseelan berkata, apabila permasalahan itu diajukan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pembeli diarah merujuk kepada kerajaan negeri memandangkan tanah tersebut di bawah kuasa kerajaan negeri.

"Jadi satu-satunya pihak yang boleh membantu



JAYASEELAN



PATMANATHAN



GUNARAJ

kami adalah kerajaan negeri," katanya.

Pernah desak MB

Menurutnya, pada pertemuan bersama 39 pembeli projek perumahan banglo setingkat tersebut pada 2012, mereka sudah mendesak agar Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim campur tangan

untuk menyelesaikan masalah itu.

Tapi malangnya, kerajaan negeri sehingga kini masih gagal menyelesaikan masalah itu.

"Bukan itu saja, pembeli minta bantuan Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Iskandar Abdul Samad untuk cari penyelesaian masalah itu, tetapi walaupun isu itu telah dibawa kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) namun tiada tindakan susulan diambil.

"Malah isu sama juga pernah dibawa kepada wakil rakyat dan pemimpin masyarakat tempatan tapi masih belum ada tindakan," katanya.

Jayaseelan berkata, ada pembeli yang telah membayar penuh, ada yang masih membayar ansuran bulanan pinjaman bank dan ada juga yang kecewa serta terus berhenti membayar balik pinjaman malah ada yang telah meninggal dunia.

Malah katanya, ada pem-

beli yang telah membayar premium tanah tetapi pemuju yang sudah diisytiharkan mufis pada Oktober 2012 tidak pernah diberikan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor.

Pembeli mahu saman

Sementara itu, seorang lagi pembeli, Mohd Nizam Mohd Nor, 46, berkata, pembeli akan mengambil tindakan perundangan terhadap pihak berkuasa tempatan (PBT) dan mendesak kerajaan negeri untuk mengeluarkan dana membina infrastruktur rumah mereka.

"Sebab kalau berpuluh kali jumpa dan berbincang sekali pun tak ada penyelesaian juga, sebab itu kita nak saman PBT yang bertanggungjawab melantik kontraktor tidak berwibawa yang menyebabkan projek ini terbengkalai berbelas tahun," katanya.

Manakala, K.Patmanathan, 64, antara pembeli yang langsung tidak dapat melihat struktur rumahnya sehingga kini ke-

rana tidak dibangunkan lagi.

Menurutnya, dia sudah menyimpan hasrat untuk mendiami rumah selepas bersara, tapi malangnya selepas sembilan tahun persarannya impian itu masih lagi kabur.

Tanggungjawab kerajaan negeri

Sementara itu, Ahli Majlis Perbandaran Selangor, G Gunaraj yang turut hadir semalam berkata, kerajaan negeri bertanggungjawab menyelesaikan projek tersebut kerana ia dimulakan oleh kerajaan negeri pada 2000.

"Kerajaan negeri yang mulakan episod ini, maka kerajaan negeri harus selesaikan.

"Tak susah untuk kerajaan negeri selesaikan perkara ini, hanya perlu seorang yang bertanggungjawab dengan fokus dan komited untuk selesaikan isu ini," katanya yang percaya isu itu boleh diselesaikan.

Adakan pertemuan

Dalam pada itu, Ahli Majlis Daerah Hulu Selangor, S Suntaresan berkata, mesyuarat perlu dibuat antara pembeli, pihak berkuasa dan wakil kerajaan dalam mencari penyelesaian muktamad.

"Saya akan semak semua maklumat yang ada dan dalam tempoh terdekat akan adakan satu tarikh daripada Yang Dipertua untuk adakan mesyuarat," katanya yang turut hadir pada pertemuan tersebut.



Jayaseelan (dua, kanan) bersama pembeli PPKK di tapak pembinaan rumah banglo mereka yang terbengkalai.